

## Kelembapan ekonomi tidak jejas pembinaan projek di empat negeri terlibat

# Landasan berkembar ikut jadual

Oleh ZAINI RABAN  
utusanperak@utusan.com

**TAIPING** 11 Mac – Kelembapan ekonomi global pada masa ini tidak menjejaskan pembinaan Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Ipoh-Padang Besar yang bernilai RM12.5 bilion malah ia berkembang mengikut jadual yang ditetapkan.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat berkata, sehingga kini, kerja-kerja pembinaan di empat buah negeri terlibat iaitu Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis berjalan dengan lancar pada kadar 21.33 peratus.

“Walaupun ekonomi dunia agak lembap pada waktu sekarang namun PLBE Ipoh-Padang Besar dijangka siap pada 2012, kita harap soal penempatan semula setinggan dan pampasan juga dapat diselesaikan secepat mungkin.

“Ketika banyak syarikat lain mengurangkan bilangan pekerja dan kakitangan, projek ini sebaliknya telah mencipta 7,000 peluang pekerjaan dan 6,000 lagi peluang pekerjaan bakal ditawarkan apabila siap kelak,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas melancarkan majlis penembusan Terowong Larut

sepanjang 300 meter di Air Kuning di sini hari ini.

PLBE juga bakal mempunyai satu lagi terowong yang lebih panjang iaitu di Bukit Berapit, Padang Rengas sepanjang 2.9 kilometer yang bakal dilaksanakan tidak lama lagi.

Tee Keat berkata, projek mega berkenaan setakat ini telah membantu menjana ekonomi negara kerana membelanjakan sebanyak RM2 bilion untuk gaji dan faedah bagi para pekerja terlibat.

Katanya, sebanyak 305 subkontraktor dari keempat-empat negeri terbabit telah ditawarkan kerja-ker-

ja berkaitan yang turut memberi manfaat kepada pembekal bahan binaan tempatan dan perniagaan untuk tempoh lima tahun akan datang.

“Saya juga ingin menyatakan bahawa projek ini bakal menyediakan kerja-kerja hiliran lebih daripada RM10 bilion dan sebanyak 95 kontrak telah ditawarkan kepada pelbagai pembekal bahan binaan,” katanya.

Menurut Tee Keat, PLBE itu adalah sebahagian daripada pelan induk untuk memajukan sistem pengangkutan awam di Malaysia dan ia me-

rupakan kesinambungan kepada PLBE Lembah Klang, Rawang-Ipoh dan Seremban-Gemas yang kini sedang dalam pembinaan.

Katanya, perkhidmatan tren yang disediakan itu bakal menarik perhatian ramai pengguna dan dijangka lebih popular apabila tren sedia ada digantikan dengan tren lebih pantas pada penghujung 2010.

Tambahnya, ia merupakan alternatif pengangkutan yang lebih murah dan selamat berbanding penggunaan lebuh raya selain dapat mengurangkan kadar kemalangan maut di jalan raya.